

DEMO: SATU PENG HINAAN

*Dr. Mahathir kecam
perbuatan pelajar2
kita terhadap Tun*

BH 22 8/11/78
KUALA LUM-
PUR, Selasa. —
Menteri Pela-

Oleh NORDIN MOHAMED

jaran, Dr. Mahathir Mohamed mengecam keras perbuatan penuntut-penuntut Malaysia di Australia dan New Zealand yang dianggap menghina Tun Abdul Razak.

"Saya merasa malu dan dukacita kerana perbuatan itu dilakukan terhadap Perdana Menteri kita sendiri."

katanya hari ini dalam pertemuan dengan Berita Harian.

Beliau menstafatkan perbuatan itu sebagai menjatuhkan nama baik Perdana Menteri yang disegani dan di hormati ramai.

"Kita sanggup ditentang atau dikritik, tetapi pencabulan seperti itu tidak patut dibuat oleh mereka yang mendakwa

sebagai rakyat Malaysia," katanya.

Tegasnya, perbuatan melempar batu pelajar Malaysia ke kereta Tun Abdul Razak ketika Perdana Menteri melawat Australia Sabtu lalu adalah perbuatan yang sangat-sangat memalukan.

Lawatan Tun Razak itu, tegas Dr. Mahathir, lebih jelas menunjukkan tentang sikap segolongan penuntut Malaysia di kedua negara itu dan peranan yang dimainkan oleh penuntut-penuntut Australia dan New Zealand serta persatuan - persatuan mereka.

Beliau menyatakan bahawa sikap Kerajaan dan sikap penuntut Australia tidak sama," tetapi malangnya kawalan tidak dapat diadakan, sungguhpun Perdana Menteri menjadi tetamu Negara," ujarnya.

Dr. Mahathir menyatakan: "Dari reaksi orang-orang di Malaysia sendiri, kita dapat tahu tentang sikap mereka terhadap pencabulan nama baik negara kita itu."

Bantahan

Beliau menarik perhatian umum bahawa Himpunan Mahasiswa Malaysia Sumatra (HMMS) yang berada begitu jauh turut mengutuk tunjuk perasaan pelajar Malaysia di Australia dan New Zealand terhadap Tun Razak.

Menteri Pelajaran itu berkata, penuntut Malaysia di kedua negara itu tidak pernah menyuarakan secara rasmi terhadap segala bantahan-bantahan mereka ke atas dasar Kerajaan.

"Mereka tidak pernah membuat teguran mengikut saluran - saluran yang ada, samada melalui parti-parti pembangkang, ataupun dengan

cara mengambil bahagian di dalam politik negara bila mereka kembali," katanya lagi.

Menyentuh tentang tindakan menangkap penuntut-penuntut yang didapati mencemarkan nama baik negara apabila kembali ke tanah air nanti, Dr. Mahathir berkata:

Menahan

"Kalau didapati penuntut-penuntut itu terlibat dalam kegiatan-kegiatan yang menolong musuh negara, maka kita berhak menahan mereka."

Menurut beliau, persatuan penuntut Australia ada kaitan dengan sebuah kesatuan penuntut Asia yang cuba mempengaruhi penuntut-penuntut di Malaysia supaya mengadakan kegiatan yang boleh memesongkan perhatian pasukan keselamatan daripada memburu komunis.

Beliau percaya, persatuan penuntut Australia memberi berbagai kemudahan kepada penuntut-penuntut Malaysia untuk kegiatan jahat.